

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHA KEE CHIN (RASAH)**

**TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam memberikan taraf kewarganegaraan kepada kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia, dengan ayah kandungnya warga Malaysia tetapi ibunya warga asing, dan pasangan ini telah mendaftarkan perkahwinan selepas anak ini dilahirkan. Kenapakah hasil ujian DNA yang mengesahkan hubungan bapa-anak tidak diiktiraf dalam pemberian taraf kewarganegaraan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kewarganegaraan seseorang individu adalah ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan ibu bapa kandung yang sah berdaftar mengikut undang-undang negara dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung individu berkenaan sewaktu kelahiran berlaku selaras dengan peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahatarafan anak, dan peraturan imigresen.

## SOALAN NO : 33

Sehubungan itu, semua perkahwinan di negara ini hendaklah didaftarkan di bawah perundangan negara yang berkuat kuasa, sebagai contoh jika perkahwinan pasangan bukan Islam, ia didaftarkan di bawah Akta Membarui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164].

Oleh yang demikian, bagi kelahiran yang berlaku sebelum pendaftaran perkahwinan ibu bapa mengikut perundangan negara, taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut adalah mengikut taraf kewarganegaraan ibunya selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan *Deoxyribonucleic Acid* (DNA) ini hanyalah sebagai dokumen sokongan bagi mengesahkan pertalian darah seseorang dengan ahli keluarga yang lain khususnya di antara kanak-kanak dengan ibu atau bapa ataupun dengan adik beradik yang lain dan tidak dijadikan sebagai bukti konklusif dalam pemberian kewarganegaraan Malaysia. Ini adalah kerana setiap pemohon masih perlu mematuhi undang-undang lain khususnya yang berkaitan dengan pendaftaran perkahwinan.